

AGM sudah tutup tirai, Umno masih relevan
The Malaysian Insider
04 Disember, 2011
Oleh Zabidi Saidi

4 Dis - Perhimpunan Agung Umno yang disifatkan sebagai perhimpunan terakhir sebelum pilihan raya umum sudah berlalu. Perwakilan dan pemerhati sudah tiba di kampung masing-masing malam tadi.

Seperti biasa setiap kali Perhimpunan Agung Umno berlangsung, para perwakilan bukan main bersemangat membawa pulang mesej yang disampaikan presiden parti. Namun mereka tidak menterjemahkan mesej itu dalam bentuk pelaksanaan. Sebab itu setiap kali perhimpunan yang diadakan sebelum pilihan raya umum, setiap kali mereka menghadapi masalah sabotaj dalam pilihan raya.

Apa yang diucapkan oleh Datuk Seri Najib Razak supaya orang Umno bersatu padu, setia kepada parti bukanlah perkara baru. Tun Dr Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Ahmad Badawi pernah mengingatkan orang Umno perkara yang sama. Akan tetapi kenapa masalah ini tidak pernah selesai bila tiba pilihan raya umum? Sebab itulah kali ini Najib memperkenalkan istilah orang Umno. Orang Umno akan setia kepada parti walaupun tidak dipilih sebagai calon, sebaliknya ahli Umno tidak akan berbuat demikian. Najib menekankan istilah orang Umno dan bukannya ahli Umno.

Sejauh mana peringatan Najib akan dipatuhi orang Umno kali ini? Adakah mereka bersedia menjadi orang Umno yang setia kali ini? Timbalan Presiden Tan Sri Muhyiddin Yasin telah mengetuai ikrar yang mahu orang Umno tidak hasad dengki dan patuh kepada parti ketika menggulung perbahasan semalam. Sejauh mana para perwakilan itu ikhlas dengan ikrar yang mereka baca itu?

Para perwakilan telah mengupas calon boleh menang dengan pelbagai tafsiran. Wakil Kedah, Kamal Saidin mahu orang Umno tidak melobi jadi calon kerana itu bukan cara Islam. Manakala tangisan wakil Kelantan, Datuk Che Alwi Haji Ahmad yang menceritakan betapa Khalifah Umar Alkhatib menolak nama anaknya Abdullah dicalonkan sebagai khalifah ketiga dengan mengatakan cukuplah seorang sahaja dari keluarga Umar memasuki neraka menunjukkan betapa susahnyanya menjadi pemimpin menyedarkan orang Umno menjadi calon bukannya satu glamour tetapi satu amanah. Wakil Pemuda, Datuk Megat Firdaus Megat Junid mahu calon boleh menang bukan calon kabel. Apakah maksud calon kabel?

Atau adakah dia menyindir Khairy?

Tiga sayap parti berikrar beri sokongan penuh kepada Najib memilih calon boleh menang. Ketua Wanita Datuk Seri Shahrizat Jalil yang kini didakwa menjadi liabiliti kepada Umno berikrar Wanita akan bantu menawan 222 kerusi Parlimen. Ketua Pemuda pula Khairy Jamaluddin berkata Pemuda tidak akan berarak ke Seri Perdana jika tidak dipilih sebagai calon.

Menurut seorang veteran Umno, Syed Abdullah Syed Ibrahim, Najib tidak perlu bertempik ketika berucap. Katanya, Dr Mahathir tidak pernah bertempik waktu berucap tetapi orang fokus kepada ucapannya.

Beliau yang juga bekas Setiausaha Umno Bahagian Cheras berkata orang Umno sudah

muak dengan retorik pemimpin tetapi pengundi tua boleh terpicat dengan wang ringgit dan kain pelikat sedangkan Umno berdepan dengan pengundi baru yang terdedah dengan pelbagai maklumat melalui facebook, twitter, blog. Inilah dilema Umno dalam menghadapi pilihan raya ini.

Penganalisis politik Prof Datuk Dr Agus Yusof menimbulkan persoalan sama ada Umno masih relevan? Sama ada Umno relevan atau tidak, ia akan terjawab pada pilihan raya umum nanti.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/agm-sudah-tutup-tirai-umno-masih-relevan/>